



Hindari hubungan mesra dengan panggilan manja yang boleh menjurus kegiatan maksiat.

[GAMBAR HIASAN]



Bahaya panggilan manja

» Penggunaan dalam kalangan remaja dianggap keterlaluan, boleh menjurus perbuatan sumbang

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

“Mama...mama dah sihat? Belun...pa-pa jom teman mama pergi beli ubat, pas tu kita pergi makan nak?”

Dialog itu antara perbualan yang didengari daripada pasangan remaja yang sedang ralit diulit cinta.

Memanggil pasangan dengan gelaran ‘papa’ bagi lelaki dan ‘mama’ bagi perempuan dalam kalangan remaja dianggap keterlaluan. Lagaknya mengalahkan suami isteri. Apakah pandangan anda sebagai ibu bapa?

Tinjauan rambang *FAMILI*, secara purata ramai ibu bapa tidak bersetuju dengan panggilan itu kerana nyata canggung dalam norma masyarakat Melayu, malah menganggap mereka sebagai keterlaluan.

Perunding Motivasi Keluarga, Zaid Mohamad, berkata menggunakan panggilan itu memperlihatkan golongan itu suka mengikut-mengikut budaya persekitaran, selain menggambarkan remaja terbabit kurang mendapat perhatian atau kasih sayang daripada keluarga.

Katanya, remaja sering mencari kekurangan dengan membina hubungan lebih akrab dengan pasangan mereka.

“Ibu bapa perlu mengenal pasti keadaan ini. Mereka perlu lebih memberi perhatian dan meluangkan masa dengan anak supaya gejala buruk membabitkan anak remaja dapat dibendung,” katanya.

Tidak sesuai

Zaid berkata, hubungan manusia mempunyai tiga peringkat, iaitu

bermula dengan rasa dalam hati, kemudian diluahkan menerusi kata-kata dan ketiga menjurus kepada perbuatan.

Panggilan menunjukkan betapa rapatnya mereka dan ia boleh melahirkan rasa mesra serta mengheret kepada hubungan sumbang.

Katanya, panggilan mama dan papa dalam kalangan remaja bercinta yang sudah seakan menjadi ikutan ramai dan dianggap bukan sesuatu yang pelik.

“Remaja tidak seharusnya memulakan langkah untuk berpasangan. Kalau remaja normal mereka tidak terfikir untuk memiliki pasangan pada usia terlalu muda atau masih di bangku sekolah.

“Dari segi psikologi, remaja yang berpasangan selalunya berpunca daripada kurang mendapat perhatian dan penghargaan daripada keluarga menyebabkan mereka mencari orang lain bagi mengisi kekosongan itu,” katanya.

Pantau anak

Menjelas lanjut, Zaid berkata, kajian psikologi remaja mendedahkan, remaja bercinta akan mencari pasangan yang bertentangan dengan sifat ibu bapa untuk mendapatkan kepuasan dan melengkapi kekosongan jiwa.

“Kalau ibu bapa jenis tegas di rumah, remaja berkenaan terdorong mencari pasangan yang ‘gila-gila,’” katanya.

Zaid berkata, ibu bapa perlu memantau anak mereka termasuk panggilan digunakan dalam kalangan rakan.

Antaranya, memberi penerangan mengenai panggilan sesuai dalam kalangan rakan mereka untuk tidak sewenang-wenangnya menggunakan panggilan papa dan mama kepada pasangan.

“Ibu bapa tidak seharusnya membiarkan anak mereka sehingga membuka ruang untuk

bermesra dengan teman lelaki sehingga membawa kepada perlakuan sumbang.

“Remaja memerlukan sokongan emosi. Mereka mahukan ibu bapa yang boleh menjadi kawan. Anak perempuan suka dipuji, pujilah mereka.

“Begitu juga anak lelaki yang secara dasarnya, mereka sukakan penghargaan. Selalu hargai apa yang mereka lakukan.

Panggilan kurang sesuai

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Fariza Md Sham, berkata pasangan bukan muhrim salah memanggil teman lelaki atau perempuan dengan panggilan seperti orang sudah berkahwin.

“Panggilan mama dan papa bagi suami isteri sangat mulia dan ia tidak seharusnya dicemarkan dengan sesuatu yang sumbang,” katanya.

Sementara itu, suri rumah, Rita Omar, 48, berkata anaknya juga pernah memanggil teman lakinya *Hubby* dan ditegur supaya menjaga adab dan sopan.

“Saya pernah terbaca sistem pesanan ringkas (SMS) di telefon anak. Dia menggunakan perkataan ‘B’ yang dirujuk sebagai *Hubby* atau suami.

“Saya cakap pada anak ia tidak sesuai kerana mereka belum berkahwin.

“Anak mungkin tidak suka dengan teguran, tetapi kita sebagai orang dewasa perlu selalu mengingatkan,” katanya.

Ibu kepada seorang cahaya mata, Erni Zawawi, 39, menganggap panggilan itu tidak sesuai dengan budaya masyarakat Melayu dan menegaskan panggilan menggunakan nama seseorang lebih sopan dan beradab.



“Panggilan mama dan papa bagi suami isteri sangat mulia dan ia tidak seharusnya dicemarkan dengan suatu yang sumbang”

Fariza Md Sham,
Pensyarah Jabatan Dakwah
dan Kepimpinan Fakulti
Pengajian Islam, UKM



Rita Omar



“Dari segi psikologi, remaja yang berpasangan selalunya berpunca daripada kurang mendapat perhatian dan penghargaan keluarga menyebabkan mereka mencari orang lain bagi mengisi kekosongan itu”

Zaid Mohamad,
Perunding Motivasi Keluarga